




MAJLIS DAERAH BAU 2020

Sejarah Perlombongan di SARAWAK

History of Mining
in SARAWAK



Buletin Majlis Daerah Bau Edisi 2020

Jan - Disember 2020



ANTARA TOPIK MENARIK :

- ♦ Lawatan Ketua Menteri ke Serikin
- ♦ Usaha MBD Memerangi Wabak Covid-19
- ♦ Minggu Sukan MBD
- ♦ Bau Bicentennial 2020 Celebration
- ♦ Program Pembangunan Komuniti



LAMAN WEB RASMI MAJLIS DAERAH BAU

65th Anniversary

Bau - A Beautiful, Amazing & Unique Gold Town

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Setiausaha Majlis
Simon Wong Hong Yong

TIMBALAN PENASIHAT

Penolong Setiausaha Majlis
Ilyana Bt Mohamad

KETUA EDITOR

Adeline Molly anak Francis Kiyuk

PENGARANG & GRAFIK

Sally anak Antoni

PENERBIT

Bahagian Pembangunan Komuniti



PERUTUSAN SETIAUSAHA

Salam Sejahtera dan Salam Ibu Pertiwiku.

Dengan ini, berakhirlah sudah tahun 2020 yang penuh dengan peristiwa dan saya ingin mengucapkan selamat tahun baru 2021 kepada semua pembaca.

Seperti yang kita sudah sedia maklum, negara kita telah mengalami serangan pandemik Covid-19 bermula dari bulan Mac 2020 sehingga kini. Justeru, pematuhan Garis Panduan (SOP) yang ketat perlu diamalkan tidak kira dimana kita berada demi kesihatan diri dan orang di sekeliling kita.

Warga Majlis Daerah Bau merupakan orang-orang terpenting bagi membentuk kemajuan Daerah Bau. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha menjadikan Daerah Bau terkenal sesuai dengan slogan **BAU- A Beautiful, Amazing & Unique Goid Town.**

Sekian, terima kasih.

Simon Wong Hong Yong
Setiausaha Majlis Daerah Bau

ISI KANDUNGAN

PERKARA MUKA SURAT

• Sidang Redaksi	1
• Isi Kandungan	1
• Perutusan Setiausaha	1
• Keputusan Star Rating 2019	2
• Jamuan Hari Krismas 2019 & Tahun Baru 2020	2
Perasmian Penamaan Jalan Micheal Sadin & Jalan Lee Nyan Choi	3
• Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2020	4
• Majlis Perpisahan En. Liew Thian Soong	4
Majlis Perasmian Rumah Spektra & Taman Rekreasi Daerah Bau	5
Pengggambaran Filem "The White Rajah"	6
Lawatan YAB Ketua Menteri Sarawak ke Serikin, Bau	7
• Pengauditan MS ISO	8
• Usaha-usaha MDB Memerangi Penularan Wabak Covid-19	8
Pelaksanaan Sanitasi Pasar Awam Sepanjang Tahun 2020	9
• Lawatan ke Tempat Pelancongan Daerah Bau	10
• Mesyuarat Penuh Bil.2/2020	10
• Lawatan ke Air Terjun Bronang	11
• Perasmian Air Terjun Satow	11
• Perasmian Pasar Tamu Paku	12
• Perasmian Pasar Tani Jagoi	12
• Program Jelajah Belia	13
• Program Community Policing 2020	13
• Majlis Penyerahan Surat Hakmilik Tanah	14
• Lawatan Sambil Belajar ke Ladang Kelulut	14
• Perasmian Floor Standing LED Display Screen	14
Minggu Sukan MDB	15
Program Bersama AADK	16
Gift Exchange & BBO	17
Bau Bicentennial 2020 Celebration	18
Program Pembangunan Komuniti 2020	
1. Program Kita Jaga Kita – Agihan Poster	19
2. Program Gotong-royong di Kpg Stass	19
3. Program Trash To Cash Drive-Through	20

#200BBC

200 BAU BICENTENNIAL CELEBRATION

★★★★
**SISTEM
PENARAFAN
BINTANG PIHAK
BERKUASA
TEMPATAN
TAHUN 2019**

*TAHNIAH
MAJLIS
DAERAH BAU
KERANA
TELAH
BERJAYA
MEMPEROLEH
4 BINTANG*



**Sambutau Hari Krismas 2019
& Tahun Baru Cina 2020**

8 Januari 2020



20 Januari 2020

Upacara Perasmian Penamaan Jalan Michael Sadin & Jalan Lee Nyan Choi



Dua buah lorong di jalan Bau diberi nama sempena nama dua individu yang telah menyumbang banyak kepada masyarakat di Bau pada suatu ketika dahulu iaitu mendiang Lee Nyan Choi dan mendiang Michael Sadin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru, Dato Henry Harry Jinep berkata tujuan penamaan jalan tersebut adalah bagi memperingati jasa-jasa kedua-dua mendiang sepanjang perkhidmatan mereka.

Mendiang Lee Nyan Choi merupakan bekas wakil rakyat Bau pada tahun 1974 sehingga tahun 1978 manakala mendiang Michael Sadin pula merupakan bekas Pegawai Daerah Bau pada tahun 1959 sehingga tahun 1961 sekaligus menjadikan beliau rakyat Bidayah Sarawak pertama menyandang jawatan sebagai Pegawai Daerah.

Turut hadir, Puan Anielia Siam, Pegawai Daerah Bau dan Encik Simon Wong, Setiausaha Majlis Daerah Bau.



Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Majlis Daerah Bau

7 Februari 2020



Sesi temu ramah oleh Chinese Astro Channel.

Setiasaha Majlis Daerah Bau, En. Simon Wong Hong Yong semasa sesi temu ramah menerangkan serba sedikit tentang sejarah perlombongan emas di Daerah Bau serta perkembangan terkini Tasik Biru termasuk perkembangan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Daerah Bau.



Majlis Perasmian Rumah Spektra & Taman Rekreasi Bau

15 Februari 2020

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam, Dr Annuar Rapae di Dataran Bau.

Dr Annuar berkata projek RSP ini merupakan inisiatif Ketua Menteri Sarawak dan sasarannya adalah golongan yang berpendapatan rendah agar membolehkan lebih ramai rakyat untuk memiliki rumah.

Perasmian Taman Rekreasi Bau juga turut diadakan pada hari yang sama dengan gimik menggunting ribbon di pintu gerbang Taman Rekreasi Bau.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru, Dato Henry Harry Jinep serta Pegawai Daerah Bau, Anielia Siam.



Penggambaran Filem “The White Rajah” di Daerah Bau



'Rajah' merupakan sebuah filem Hollywood tentang pemerintah White Rajah pertama di Sarawak, Sir James Brooke bakal mempromosikan keindahan Sarawak ke mata dunia.

Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata pembikinan filem itu telah dilakukan di beberapa kawasan berdekatan termasuk **Siniawan, Gua Fairy dan Gua Angin**.

Penggambaran 'Rajah' telah berlangsung selama sebulan di mana selain **tempat menarik di Bau**, filem itu juga dijalankan di Kampung Budaya Sarawak dan Camp Permai di Santubong.

Filem berkenaan dintangi bintang-bintang terkenal Hollywood seperti Jonathan Rhys Meyers dan Dominic Monaghan yang memainkan watak sebagai Kolonel Arthur Crookshank.

Abdul Karim berkata filem itu berkisarkan kepada kehidupan Brooke ketika tiba di Borneo pada 1839 ketika sewaktu pengembaraan dan kemudiannya dikenali sebagai 'The White Rajah'.



Rujukan/Maklumat Lanjut sila layari laman web
berikut :

Rob Allyn's Crazy Dream To Make a Movie in Borneo

<https://www.dmagazine.com/publications/d-magazine/2020/march/rob-allyns-crazy-dream-to-make-a-movie-rajah-borneo/#image-11>

Lawatan YAB Ketua Menteri Sarawak ke Serikin, Bau

1 Mac 2020



Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari bin Tun Openg telah mengadakan lawatan tapak ke Serikin bagi meninjau Pos Kawalan Imigresen dan Pos Sempadan Kastam Serikin.

Beliau dan rombongan juga turut berkunjung ke SK Serabak, Bau bagi mendengar taklimat yang disampaikan Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Pengarah Kastam Diraja Malaysia Sarawak dan Jabatan Imigresen Negeri Sarawak.

Selepas itu, Datuk Patinggi Abang Johari mengadakan lawatan ke Pasar Serikin dan Tapak Pos CIQS Serikin (Sempadan Malaysia-Indonesia) sebelum mengakhiri lawatan ke Serikin, Bau.

Turut hadir, YB Dato Henry Harry Anak Jinep, YB Miro Anak Simuh, Setiausaha Kerajaan Sarawak, Datuk Amar Jaul Samion, Timbalan-Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Sarawak serta kenamaan-kenamaan lain.

PENGAUDITAN MS ISO 10 HINGGA 12 MAC 2020




Usaha-usaha MDB Memerangi penularan wabak COVID-19

Kerjasama bersama pihak PDRM dan ATM memberi notis arahan amalan garis panduan (SOP) kepada kedai runcit dan stesen minyak



Pelaksanaan Sanitasi Pasar Awam Daerah Bau sepanjang tahun 2020

Berikutan penularan wabak COVID-19, pelaksanaan Sanitasi Pasar Awam di bawah seliaan MDB telah dijalankan di pejabat Majlis Daerah Bau, Pasar Tamu Bau, Bau Community Market, Multipurpose Market, Bau Hawker Centre, Gerai Bukit Emas, Bau Handicraft House dan Gerai Tani Bau Terminal Bas. Bekerjasama bersama pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Bau dan Jabatan Pertahanan Awam Bau. Aktiviti ini dilakukan bagi kepentingan bersama supaya dapat menghalang penularan COVID-19.



Lawatan ke tempat pelancongan Daerah Bau pada 4 Julai 2020



Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia, Dato Sri Nancy Shukri telah mengadakan lawatan ke destinasi pelancongan tempatan di Daerah Bau.

Dato Sri Nancy Shukri telah melawat Lan E Tuyang Homestay Singai dan disambut oleh pengusaha Lan E Tuyang Homestay, iaitu Matthew Ngau Jau.

Rombongan beliau turut diiringi oleh Menteri Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Muda Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, ADUN Tasik Biru, Dato Henry Harry Jinep dan ADUN Serembu, Miro Simuh.

Seterusnya, Dato Sri Nancy bersama rombongan melawat Libiki Bamboo Resort, Kampung Mongag, Heritage Centre, Tasik Biru, The Sleeping Lady di Jalan Taiton, Tian Shi Long Gong Temple, Gunung Serembu dan Pekan Siniawan.

Mesyuarat Penuh Bil.2/2020 Ahli Majlis, Majlis Daerah Bau telah diadakan di Imperial Hotel, Boulevard Kuching pada 6 Julai 2020. Mesyuarat telah dikendalikan secara bersemuka serta mengikut norma baharu dengan mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan pelitup hidung dan mulut dan hand sanitizer.



LAWATAN KE AIR TERJUN BRONANG



Lawatan ke air terjun Bronang telah diadakan pada 6 Ogos 2020 bersama dengan YB Dato Henry Harry Anak Jinep dan pelbagai agensi kerajaan serta JKKK dari dua (2) buah kampung. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk melihat bagaimana caranya tempat ini akan dipromosikan kepada umum sebagai tempat pelancongan yang baharu.

Perjalanan ke air terjun Bronang ini mengambil masa kira-kira 8 jam (termasuk masa berehat) kerana trek yang sangat mencabar dan sangat jauh iaitu kira-kira 10 KM. Trek bermula dari Adis Buan di Kampung Segong, Singai dan berakhir di Kampung Daun, Singai.

PERASMIAN AIR TERJUN SATOW

Air Terjun SATOW yang terletak di Kpg Bobak Sejinjang, Singai, Bau telah dirasmikan oleh YB Dato Henry Harry Jinep pada 29 Ogos 2020 walaupun telah lama wujud.

Simbolik perasmian adalah dengan memasang papan tanda dan memotong reben di pintu masuk air terjun oleh YB Dato Henry Harry Jinep.

Air terjun SATOW merupakan antara tujuh (7) air terjun yang ada di Daerah Bau.



Perasmian Pasar Tamu Paku

29/08/2020

Pasar Tamu Paku telah dirasmikan pada 29 Ogos 2020 oleh YB Miro Anak Simuh.



Perasmian Gerai Tani Jagoi

06/09/2020

Gerai Tani Jagoi yang berjaya 'dihidupkan' setelah menjalani proses naiktaraf telah dirasmikan pada 6 September 2020 oleh YB Dato Henry Harry Anak Jinep.

Antara naiktaraf yang telah dilakukan termasuklah mengecat keseluruhan struktur gerai, membina tandas awam, dan menggantikan bumbung yang rosak dengan yang baharu.

Usaha untuk 'menghidupkan' kembali gerai tersebut telah dijalankan dengan peruntukkan sebanyak RM20,000 yang telah diberikan oleh Kerajaan Sarawak melalui Majlis Daerah Bau.



Acara melepaskan anak ikan oleh YB Dato Henry Harry Anak Jinep ke dalam Sungai Nolan yang terletak dibelakang Gerai Tani Jagoi turut diadakan pada hari tersebut.

Program Jelajah Belia

12/09/2020



Program "Community Policing" 2020

Program 'Community Policing' Peringkat Daerah Bau 2020 telah diadakan selama dua hari iaitu pada 14-15 September 2020 di Dewan Suarah Bau yang bertujuan untuk memberi pengetahuan melalui taklimat secara lebih menyeluruh kepada para peserta yang hadir mengenai gejala sosial khususnya penyalahgunaan barang terlarang terutama sekali dadah serta pengekangan berbagai jenis jenayah lain.

Selain itu, ceramah berkaitan penyakit Rabies oleh Bahagian Kesihatan Awam dan Persekitaran Majlis Daerah Bau juga turut diadakan semasa program tersebut.

Turut diadakan Program Komuniti iaitu pengagihan poster "Kita Jaga Kita" di kaunter bergerak MDB.

Acara perasmian penangguhan bagi Program Community Policing Peringkat Daerah Bau 2020 diadakan pada 15 September 2020 oleh YB Dato Henry Harry Anak Jinep.



Majlis Penyerahan Surat Hakmilik Tanah Seksyen 18 KTN Sarawak Daerah Bau



Majlis Penyerahan Surat Hakmilik Tanah Seksyen 18 KTN Sarawak Daerah Bau telah diadakan pada 19 September 2020 bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Tanjong Poting, Singai Bau.



Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan merangkap Menteri Pembangunan Bandar Dan Sumber Hasil Asli Kedua telah menyampaikan 132 surat hakmilik tanah kepada 117 orang penerima diwakili oleh ketua kampung Kpg Bobak Sajong, Kpg Tanjong Poting dan Kpg Sudoh.

Lawatan Sambil Belajar MDB ke Ladang Kelulut

Tarikh : 13 Oktober 2020
Tempat : Tekodan Sudu Agrofarm



Majlis Perasmian Floor Standing LED Display Screen Oleh YB Dato Henry Harry Anak Jinep

23/10/2020



MINGGU SUKAN MDB

23 - 27 November 2020



V
O
L
L
E
Y
B
A
L



B
A
D
M
I
N
T
O
N



PROGRAM BERSAMA AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)

Program bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah diadakan pada 3 Disember 2020 dan 7 Disember 2020 di Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bau. Sampel air kecil semua warga Majlis Daerah Bau telah diambil dan diperiksa menggunakan strip ujian khas untuk mengesan aktiviti penyalahgunaan dadah. Program berjalan dengan lancar.



Gift Exchange & BBQ sempena Hari Krismas 2020 – 18 Disember 2020



BAU BICENTENNIAL 2020 CELEBRATION



Guest Of Honour :

**Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari
Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.**

**PADA 31 DISEMBER 2020
DI PERKARANGAN TASIK BIRU, BAU**



Courtesy call to Chief Minister of Sarawak YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg on Bau Bicentennial Celebration 2020 ,16th Dec 2020



PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI TAHUN 2020

1. PROGRAM KITA JAGA KITA – Pengagihan Poster Pematuhan SOP



2. PROGRAM GOTONG- ROYONG

23 DISEMBER 2020

KAMPUNG STASS, BAU (Kawasan
Bulatan atau *Tower Clock* yang
bersejarah)



3. PROGRAM TRASH TO CASH DRIVE-THROUGH SEMPENA HARI PEMBELIAN BARANGAN KITAR SEMULA

13 DISEMBER 2020
PERKARANGAN TASIK BIRU, BAU

Hasil dapatan :

Kertas : 359 kg
Tin aluminium : 149 kg
Besi buruk : 477 kg
Peti ais rosak : 11 unit
Mesin basuh rosak : 7 unit
Televisyen rosak : 9 unit
Kipas rosak : 9 unit





"Work It & Take Care Of It"

BAU IS GOING GREEN

WE ARE NOW :



NO



STYROFOAM

AND COMING SOON :

SKIP THE STRAW

2021



MAJLIS DAERAH BAU
JALAN ONG GUAN CHENG
94000 BAU, SARAWAK.

TEL : 082 763129
FAX : 082 763545

Facebook Rasmi : Majlis Daerah Bau

www.baudc.sarawak.gov.my